



SULTAN BRUNEI DI-EROPAH DAN AKAN BERADA DI-BRUNEI PADA
13 HARIBULAN NOVEMBER AKAN DATANG

BAGINDA DULI YANG MAHA MULIA MAULANA AL-SULTAN di-anggar akan tiba di-Brunei pada 13 hbl. November akan datang ini dari Singapura dengan kapal terbang.

Baginda akan bertolak dari London ka-Singapura pada Hari Ahad 10 hbl. November dan dari Singapura ka-Brunei pada 13 hbl. November. Demikian menurut satu berita yang kita telah terima dari Tuan Pegawai Penerangan Negeri, Brunei yang pada masa ini sedang mengiringkan Baginda dalam lawatan-nya ka-Eropah.

Pelita Brunei memahamkan bahawa Baginda dan Rombongan-nya sekarang berada di-Portugal dan akan akan terbang dari Kota Lisbon ka-England pada esok hari. Mereka akan tinggal di-Bandar Brighton selama dua malam dan setelah itu baharu-lah mereka berangkat ka-London.

Sabelum-nya Baginda dan Rombongan-nya berangkat meninggalkan England, Baginda dan boleh jadi bersama2 pengiring-nya akan mengadakan pertemuan dengan Baginda Ratu Elizabeth II di-Istana Buckingham, pada Hari Rabu 6 hbl. November, jam 11.40 pagi.

Kemudian Yang Amat Berhormat Setia Usaha Tanah2. Jajahan, Mr Alan Lennox-Boyd akan mera'ikan Baginda dan Rombongan-nya dengan Jamuan makan tengah-hari di-rumah-nya sendiri.

Satelah itu ayah saudara Baginda Queen pula akan memberi satu jamuan khas kepada Baginda Al-Sultan dan pengiring2-nya sa-hari sebelum pertolakan Baginda dari London ka-Brunei. Ayah saudara Queen itu ia-lah Yang Teramat Mulia the Duke of Gloucester.

KALI INI KITA SIARKAN BEBERAPA GAMBAR UNTUK HIASAN DI-MUJALLAH INI. KITA BERHARAP AKAN MENERUSKAN USAHA KITA MENGHIASI-NYA PADA TIAP2 KELUARAN

-Pengarang-

X LANTEKAN2 YANG BAHARU

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah melantek Abang Razali bin Abang Haji Zainuddin, Senior Kadzi Belait memangku jawatan sebagai Kadzi Besar Negeri Brunei mulai daripada 10 hbl. October, 1957 sahingga berakhir perkhidmatan Kadzi Besar Negeri Brunei, Yang Berhormat Mulia Pengeran Haji Mohammad Salleh sebagai sa-orang daripada Pemangku2 Al-Sultan.

Miss J. M. Fitton telah di-lantek menjadi Health Sister dalam Jabatan Perubatan, Negeri Brunei menggantikan Miss J. H. Bryant, siapa yang telah berhenti memangku jawatan tersebut.

Yang Berhormat Tuan British Resident Brunei telah melantek Pegawai Penyukat Tanah Negeri sebagai Pegawai Penempatan Samula bagi kawasan2 sawah padi di-Mulaut, Kilanas, Lumapas dan Danau.

Inche' Ali Khan telah di-lantek sebagai Pemangku Jawatan Superintendent Jabatan Post Negeri Brunei mulai daripada 1 hbl. October, 1957 dan mulai daripada tarikh itu juga, Mr Kong En Choi telah berhenti daripada jawatan tersebut.

Mr T.S. Anderson telah di-lantek menjadi Chief Police Officer, Brunei menggantikan Jawatan Mr A.N. Outram.

Mr M.B. Douglas telah di-lantek sebagai sa-orang "Pharamaceutical Chemist" di-Rumah Sakit Besar Kerajaan Brunei.

X SERIA ARTS ACADEMY

Pendaftaran Pertubohan2 Negeri Brunei telah berpuas hati, ia-itu "Seria Arts Accdemy" tidak-lah lagi di-jalankan.


X "BRUNEI TOWN FOOTBALL ASSOCIATION"

"Brunei Town Football Association" telah di-daftarkan sebagai sa-buah pertubohan di-bawah Undang2 Pertubohan Negeri B'nei.



Pemangku Al-Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara Melinatan sedang menerima kehormatan pada masa diadakan istiadat berbaris kerana menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin di Bandar Brunei pada 23 September, 1957.

Berdiri di kanan Pemangku Al-Sultan, ialah Tuan British Resident, Brunei Yang Berhormat Mr. J.O. Gilbert dan dikiri Yang Teramat Mulia itu ialah Juru Iring kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Inche' Abbas.



Berbagai2 jenis peraduan telah dilangsungkan dengan meniah-nya di Bandar Brunei pada masa sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan pada tahun ini.

Gambar ini menunjukkan sebuah kerita berhias seperti perahu nelayan oleh Anggota2 P.W.D. Workshop yang telah mendapat hadiah pertama dalam peraduan kerita2 berhias.

PENGAWAS CUSTOM BRUNEI KA-UNITED KINGDOM

Pengawas Custom Negeri Brunei yang berkhidmat di-Kuala Belait, Mr Chua Kwang Soon telah berangkat ka-England dengan kapal Terbang pada Hari Ithnin 21 hbl. October yang lalu. Kepergian beliau itu ia-lah kerana mempelajari satu Kursus Pegawai Custom, selama 4 bulan atas anjoran Inspector General Water-Guards, Perkhidmatan Custom England.

Pada masa beliau itu berada di-luar negeri jawatan-nya dipangku oleh Mr Teo Kim Yeo, sa-orang Pegawai Custom yang kanan di-Bandar Brunei.

Sabelum berangkat ka-England, beliau telah di-ra'ikan dalam beberapa Majlis Jamuan Selamat Berpisah di-Kuala Belait dan di-Bandar Brunei, termasuk satu Majlis Jamuan Minuman yang telah diadakan oleh Pengarah, Pegawai2 dan Anggota2 Custom di-Bandar Brunei.

PENUBOHAN PERSEKUTUAN YANG BAHARU DI-BANDAR BRUNEI

Seramai 25 orang Pegawai2 kanan Keraja'an Brunei telah mengadakan satu mashuarat di-Bandar Brunei baharu2 ini dan bersetuju supaya di-tubuhkan sa-buah persekutuan yang mengandungi Pegawai2 kanan Keraja'an yang berkhidmat dengan Keraja'an sechara Perjanjian atau "Contract".

Dalam mashuarat tersebut Doktor W.N. Scott telah di-lantek sebagai Pengurusi persidangan itu untuk merangkakan Rang Undang2 Persekutuan tersebut, dan sasudah itu nanti Undang2 itu akan di-kemukakan dalam satu mashuarat yang akan mereka adakan pada 1 hbl. November, 1957 (petang ini), jam 5.30 p.m. yang akan bertempat di-rumah nombor 58 jalan Berakas.

Samentara itu kita di-fahamkan bahawa pihak penaja persekutuan yang di-chadangkan itu akan membuat perhubungan dengan kesemua Pegawai2 yang berkena'an dalam negeri ini, yang akan dapat di-terima menjadi ahli2 Persekutuan terma'lum sama ada Rang Undang yang di-rangkakan oleh Doktor itu dapat di-terima oleh Mashuarat Agung yang akan di-adakan hari ini.

LANTEKAN BAHARU UNTOK A.D.O. KUALA BELAIT

Majlis Mashuarat Negeri telah bersetuju melantek Pengeran Momin bin Pengeran Haji Ismail, Assistant District Officer Kuala Belait menjadi Majistrate Klass Yang Kedua.



Kira2 3,000 orang2 dewasa dan kanak2 sekolah telah mengambil bahagian dalam perarakan kerana menyambut Hari Keputeraan Nabi Muhammad S.A.W., yang telah dilangsungkan di Bandar Brunei pada hari Ahad 6 October, 1957.

Gambar atas menunjukkan barisan penuntut2 Sultan Omar Ali Saifuddin College yang telah mendapat gelaran yang ketiga dalam perarakan perarakan antara sekolah2 di Bandar Brunei.

Gambar bawah ialah barisan dari Kampong Kianggeh yang telah mendapat gelaran yang pertama dalam perarakan pada tahun ini dan juga pada tahun 1956.



UNDANG2 YANG DI LULUSKAN OLEH MAJLIS MASHUARAT NEGERI

Majlis Mashuarat Negeri Brunei dalam persidangan-nya yang telah berlangsung baharu2 ini di-Lapau, Bandar Brunei telah meluluskan beberapa Undang2:

Undang2 Melombong Minyak (Pinda'an) Tahun 1957; Undang2 Pajak Gadaai (Pinda'an) 1957; dan Undang2 Stamp (Pinda'an) Tahun 1957.

Undang2 tersebut akan berjalan kuat kuasa-nya pada 1 hbl. November, 1957.

Undang2 Immigration (Pinda'an) Tahun 1957 dan Undang2 Kesalahan2 Ringan (Pinda'an) Tahun 1957, juga telah di-luluskan.

PENGGUNA2 AYER DI-KENAKAN BAYARAN

Sa-buah Jawatan Kuasa telah di-bentok oleh Majlis Mashuarat Negeri guna mengesorkan bayaran2 baharu tentang menggunakan ayer dalam negeri ini. Pengguna2 ayer ada-lah akan di-kenakan membayar ayer yang di-gunakan-nya mengikut sharat2 di-bawah:

Anggota2 Kerajaan jika menggunakan ayer sebanyak 5,000 gallon di-kenakan bayaran \$1.00, dan tiap2 1,000, gallon lebih dari itu di-kenakan bayaran 50 sen. Kapada orang2 ramai di-kenakan bayaran 50 sen tiap2 1,000 gallon ayer yang mereka gunakan. Kapal2 di-Pelabuhan Brunei \$2.00 pada 1,000 gallon, dan Perusahaan2 seperti Snowman atau Dhobi atau lain-nya \$1.50 pada tiap2 1,000 gallon. Hotel2 dan kedai2 kopi di-kenakan bayaran 75 sen tiap2 1,000 gallon ayer yang di-gunakan-nya.

Jawatan Kuasa yang di-bentok itu telah mengesorkan supaya meter ayer akan di-beri perchoma kapada sasiapa yang menggunakan ayer.

Satelah mengadakan perbincangan, kebanyakan dari Ahli2 Majlis Mashuarat tersebut bersetuju supaya Majlis itu menerima shar2 berkenaan dengan bayaran ayer ini, dengan sharat bayaran2 menggunakan ayer di-kenakan kapada Anggota2 Kerajaan hendaklah sama dengan bayaran2 yang dikenakan kapada orang ramai. Bagaimana pun, oleh kerana sahingga pada masa ini anggota2 Kerajaan tidak di-kenakan apa2 bayaran jika hanya menggunakan ayer sebanyak 10,000 gallon, maka Majlis Mashuarat Negeri bersetuju bahawa pihak yang berkuasa hendaklah memberi pertimbangan pada anggota2 Kerajaan supaya ke-istimewaan yang telah diberikan kapada mereka itu kekal.

TIAP2 TAHUN 30 ORANG ANAK BRUNEI MESTI DI-HANTAR KA-
LUAR NEGERI MENUNTUT

Dalam persidangan Majlis Mashuarat Negeri, Yang Berhormat Awang Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Umar telah menchadangkan bahawa Kerajaan Brunei hendak-lah menghantarkan 30 orang penuntut2 dari negeri ini ka-luar negeri kerana melanjutkan pelajaran mereka. Hantaran itu hendak-lah berlaku pada tiap2 tahun.

Mereka ini, beliau menegaskan, sekembali-nya nanti salepas menuntut akan berkhidmat dengan Kerajaan menggantikan pegawai2 yang bekerja sechara pinjaman dari luar negeri.

Sakira-nya chadangan ini akan berhasil, maka Majlis Mashuarat Negeri berpandapat bahawa ranchangan ini sawajib-nya-lah berjalan muali sekarang.

Ketika mengulas atas chadangan ini, Yang Berhormat Tuan British Resident menerangkan bahawa pihak Kerajaan Brunei telah berhajat hendak menghantar 25 orang penuntut2 dari Brunei ka-Sekolah2 Menengah di-Malaya pada tiap2 tahun untuk melanjutkan pelajaran mereka. Mereka2 ini, beliau menyambong kata, akan memasoki Maktab Latehan Guru2 di-Malaya apabila lulus dari Sekolah2 Menengah tersebut.

Penuntut2 yang akan berpeluang ini ada-lah pilehan dari murid2 keluaran Darjah VI dari sekolah2 Melayu Negeri Brunei.

Walaupun bagaimana perkara ini hendak-lah terlebih dahulu di-peruruskan dengan Jawatan Kuasa Derma Pelajaran dan di-sini-lah nanti akan mempertimbangkan-nya.

JAWATAN KUASA PENYUSUN RANCHANGAN PERKEMBANGAN NEGERI

Oleh kerana di-fikirkan perlu bagi Majlis Mashuarat Negeri menubuhkan satu jawatan kuasa untuk menyusun atau menyediakan sa-buah penyata berkenaan dengan kemajuan atas pekerja'an2 yang telah di-selanggarakan di-bawah Ranchangan2 Perkembangan Negeri yang telah di-selanggarakan di-bawah Ranchangan Perkembangan Lima Tahun, maka Jawatan Kuasa Penyusun Ranchangan Perkembangan Negeri telah di-tubuhkan.

Ahli2 jawatan kuasa tersebut ia-lah:

Yang Berhormat

Yang Berhormat Pengeran Ali bin Pengeran Haji Mohammad Daud, Yang Berhormat Inche' Hamidoon bin Awang Damit, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Haji Mohammad Noor dan Tuan Pesuruh Jaya Perkembangan Negeri.

X BIDAN2 NEGERI BRUNEI

Pihak Kerajaan Brunei telah memberi kebenaran kepada nama2 yang di-sebutkan di-bawah ini bagi menjalankan perkhidmatan mereka sebagai bidan2 dalam Negeri ini:-

Adisah binte Mohammad dari Brunei; Miss Evalyn Brooker, Miss Phyllis Ruth Stredwick dan Miss Edwina Victoria Odink dari Rumah sakit Brunei Shell Petroleum Company, Kuala Belait; Miss Lucy Chiew Yun Yin dan Miss Bong Nyuk Lan dari Rumah Sakit Kerajaan di-Kuala Belait; Miss Catharine Foo Nyuk Fung, Miss Fung Yun Kiaw, Miss Wong Nyuk Hong, Miss K.L. Hutching, Miss J.M. Fitton, Miss J. Gilchrist, Mrs I.M. Acton dan Miss E. Murray kesemua-nya dari Rumah Sakit Kerajaan di-Bandar Brunei.

X AHLI2 JAWATAN KUASA MENGGUBAL RANG UNDANG2

PELAJARAN DAN DASAR PELAJARAN

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah melantek nama2 yang di-bawah ini menjadi Ahli2 Jawatan Kuasa Undang2 bagi menggubal satu Rang Undang2 Pelajaran dan Dasar Pelajaran.

Yang Berhormat Che' Marsal bin Ma'un sebagai Pengurusi, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengeran Pemancha, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad bin Daud, Yang Berhormat Pengeran Md. Yusuf bin Pengeran Haji Abdul Rahim, Yang Berhormat Pengeran Ali bin Pengeran Haji Mohammad Daud, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Haji Mohammad Noor, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksemana Haji Mohammad Taha, Yang Berhormat Ch'gu Awang Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Umar, Yang Berhormat Pehin Dato' Perdana Menteri Haji Ibrahim, Yang Berhormat Pengeran Haji Abu Bakar bin Pengeran Pemancha Mohammad Salleh, Yang Berhormat Pengeran Ahmad bin Pengeran Anak Haji, Mohammad Yassin, Pehin Orang Kaya di-Gadong Haji Mohammad Yussuf, Che'gu Noordin bin Mudim Abdul Latif, Che'gu Hussain bin Imam Mohammad Yussuf, Mr James Pearce, Che'gu Pengeran Jadid, Che'gu Mat Yassin bin Haji Metasim, Che'gu Osman bin Bidin dan Che'gu Ibrahim bin Mohammad Sa'id.



Bangunan Telephone Automatik di Bandar Brunei yang telah dibuka dengan resminya oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, Pemangku Al-Sultan, pada hari Sabtu 5 October, 1957.

Bangunan ini, panjang-nya 85½ kaki dan lebar-nya 37½ kaki, adalah dilengkapi dengan pesawat hawa sejuk dan lain2 alat yang baharu.



Dalam bilek telephone exchange ini yang berhawa sejuk kelihatan Tuan British Resident, Yang Berhormat Mr. J.C. Gilbert sedang berchakap2 dengan Pemangku Al-Sultan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, sambil operator2 Limbang bin Lamudin dan Mohamed Jais sebek menjalankan pekerjaan mereka.

EDARAN WANG KERTAS DAN PERAK

Untok pengetahuan orang ramai kita siarkan di-bawah ini chabutan peringatan tentang peredaran wang kertas dan perak, yang di-keluarkan oleh Pesuruh Jaya Kewangan Malaya dan Borneo British.

Wang kertas yang dalam edaran pada 1 hbl. October, 1957 berjumlah \$937,165,657.45, menakala wang perak dan tembaga berjumlah \$43,180,360.33 sen.

Pada bulan September, 1957 wang kertas yang di-edarkan dalam hitungan panjang ada-lah \$937,213,534.04; dan wang perak dan tembaga berjumlah sabanyak \$43,124,087.00.

KEMALANGAN YANG MEMBAWA MAUT

Satu kemalangan yang hebat telah berlaku dan membawa maut keatas Mr Ong Kia Boey, tuan punya Sharikat Seria Motors kira pada pukul 5.00 petang Sabtu, 5 October, 1957 menakala jeep yang di-pandu-nya sendiri itu telah terbalek di-tepi pantai berdekatan dengan Sungai Liang Damit. Empat orang penumpang2 di-kereta itu telah mendapat sedikit chedera.

Suhaili bin Haji Abu Bakar, sa-orang driver Pejabat Kerja Raya yang telah menuju ka-Seria dari Brunei dengan motor cycle-nya sendiri telah memberi pertolongan kepada yang bernasib malang itu. Dengan chergas Suhaili meminta bantuan memberi pertolongan dari Pegawai Pejabat Kerja Raya di-Sungai Liang itu dan memberi tahu ka-Balai Police di-Seria akan kemalangan itu.

Mangsa akibat kemalangan itu meninggalkan dua orang balu dan beberapa orang anak.

IBU PEJABAT IMMIGRATION DI KUALA BELAIT BERPINDAH KA-BRUNEI

Ibu Pejabat Immigration yang bertempat di-Kuala Belait akan berpindah ka-Bandar Brunei pada 3 dan 7 hbl. November, dan apa yang ada di-Kuala Belait n a n t i ia-lah Chawangan Jabatan tersebut yang akan di-buka tidak berapa lama lagi.

Orang2 ramai ada-lah di-ma'lumkan bahawa segala perhubungan mengenai hal ini hendak-lah di-alamatkan ka-Bandar Brunei dan bukan-nya lagi di-Kuala Belait.

MEMBESARKAN PERUSAHA'AN PERTANIAN DALAM
NEGERI

Majlis Mashuarat Negeri Brunei telah bersetuju dengan sabulat suara memberi sokongan yang kuat terhadap ranchangan yang hendak membesarkan perusaha'an2 pertanian dalam negeri ini.

Atas ranchangan ini, Pegawai Pertanian Negeri akan bekerja sama dengan Pesuroh Jaya Perkembangan Negeri bagi menyiadakan satu ranchangan untuk pertimbangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei sasudah nanti mendapat Penyata berkena'an dengan Penyiasatan mengenai hal ehwal Tanah yang telah di-selanggarakan oleh Pakar2 Tanah dari Australia di Brunei pada masa beberapa bulan yang lalu.

PEMBETULAN

Dalam keluaran PELITA BRUNEI Tahun 2. No. 15 yang bertarikh 1 hbl. October, 1957, kita ingin membetulkan kesilapan yang terdapat di-muka 5 pada baris yang ke-19 dan 20, ia-itu Md. Yusof Taram, Kampong Pandai Besi; sabenar-nya ia-lah Md. Yusof Taram, Kampong ^{Pemancha} Sultan Lama.

- Pengerang-

Yang Berhormat Awang Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Umar yang telah menghadapi chadangan ini untuk pertimbangan Majlis Mashuarat Negeri, telah menerangkan yang ia-nya sangat2 sukachita sakira-nya perusahaan menanam pohon2 nanas, dan berbagai2 jenis lagi tanam2-an di-galakkan dalam negeri ini mulai sekarang.

Selanjut-nya, Pesuroh Jaya Perkembangan Negeri menyatakan kepada Majlis Mashuarat Negeri itu bahawa penyiasatan tanah telahpun di-jalankan oleh Pakar2 tersebut dan beliau sedang menunggu penyata itu. Bagaimana pun, buat samentara waktu, beliau akan menyediakan satu ranchangan berkena'an dengan Perusahaan Pertanian dalam Negeri Brunei dan berharap semoga ranchangan itu akan dapat di-sediakan dalam tempoh sa-bulan lagi.

KETERANGAN MENGENAI PILEHAN RAYA MAJLIS MASHUARAT DA'ERAH

persedia'an2 yang lengkap bagi mengadakan Undi Sulit pada masa di-jalankan pilehan2 untuk Ahli2 Majlis Mashuarat Da'erah dalam Negeri Brunei akan di-mulai sabberapa segera sasudah Perlembaga'an Baharu Negeri Brunei yang di-chadangkan oleh DYMM itu diluluskan.

Bagaimana pun, pilehan raya yang pertama itu akan di-jalankan dengan mengikut

dengan mengikut chara undi yang beradat di-negeri ini. Sebab pun demikian, bagi pihak Kerajaan berasa sukar buat menjalankan pilihan raya sechara undi sulit waktu di-adakan pemilihan raya itu.

Langkah permula'an, pilihan raya sechara teradat untuk melantek Ahli2 bagi Majlis2 Mashuarat Da'erah akan di-jalankan sebelum berakhir-nya tahun ini (1957).

HAL KITA

Untuk ma'luman para penganut Pelita Brunei, kita ingin menerangkan selanjut-nya bahawa Mujallah ini di-keluarkan 2 kali sa-bulan oleh Jabatan Penerangan Kerajaan Brunei dengan tidak mengenakan apa2 bayaran.

Segala isi kandungan di-Mujallah ini ada-lah apa yang sabenar-nya kita terima dari Kerajaan atau yang kita petek dari Kenyata'an2 dan Surat2 Keliling Kerajaan. Maka dari itu kita ingin mengambil perhatian para pembacha Pelita Brunei supaya berhati2, dan jangan sentiasa berada di-dalam gelap atau ragu2 terutama mengenai apa yang sedang berlaku di-sekitar Brunei atau pun di-luar negeri.

Para pembacha sekalian sudah tentu berasa megah pada keluaran kali ini, kerana kita dapat menghiasi-nya dengan beberapa gambar. Maka saterus-nya kita akan berusaha meneruskan menyiarkan lagi gambar2 untuk menerangkan lebih lanjut isi berita di-sini.

Kita juga bersedia menerima bidasan2 yang sehat dari sa-siapa juga, untuk memperbaiki dan membena nama baik kita bersama.

Terima kaseh.

-Pengerang-

yang akan di-chadangkan oleh Majlis2 Mashuarat Negeri dan Da'erah.

Pilihan Raya sechara Undi Sulit itu apabila di-jalankan kelak, akan menjadi satu tambahan ranchangan Kerajaan yang telah di-sediakan dalam Perlembaga'an Baharu Negeri Brunei.

Semasa berada di-London, Duli Yang Maha Mulia telah mengumumkan supaya Pilihan Raya sechara Undi Sulit untuk melantek Ahli2 Majlis Mashuarat Da'erah di-jalankan. Pilihan Raya Sechara Undi

Yang Berhormat Tuan British Resident

Juga telah menerangkan bahawa ranchangan bagi menjalankan pilihan raya sechara Undi Sulit itu bukan-lah satu perkara yang akan dapat di-jalankan dengan serta merta.

Sbelum Perlembaga'an itu di-luluskan, tegas beliau, persediaan2 hendak-lah di-jalankan, dan tidak berapa lama lagi Kerajaan akan merundingkan-nya. Tetapi mustahak di-ketahui bilakah masa-nya yang Perlembaga'an itu akan berjalan kuat kuasa-nya dan juga adakah nanti sebarang pinda'an akan di-adakan sebelum sebarang persediaan yang lengkap di-jalankan.

Baginda Al-Sultan berharap semoga Perlembaga'an itu akan dapat di-jalankan dalam tahun 1958. Bagaimana pun, sama ada perkara ini dapat di-hasilkan atau tidak, ada-lah bergantung kepada chara pinda'an2

Sulit itu

Sulit itu ada-lah satu hak kerakyatan yang sabenar-nya. Pengundi2 di-beri peluang pergi ka-tempat menulis undi buat menulis dengan bebas-nya siapakah yang ia fikir layak menjadi Ahli2 Mashuarat Da'erah itu.

Sa-orang Juru-chakap Keraja'an menyatakan bahawa ranchangan semacham ini ada-lah sabenar2-nya untok fa'edah orang ramai. Sabelum Pilehar2 Raya Majlis Mashuarat Da'erah sechara tersebut di-jalankan, pehak Keraja'an ada-lah ^{merangka} mustahak/undang2 yang akan di-jalankan mengenai mengundi, menubuhkan Jabatan Undian dan menyedia-kan daftar2 mengandongi nama2 orang2 yang hendak mengundi.

Undang2 itu akan memberi kuasa bagi mengadakan Jabatan Undian, membuat peratoran bagaimana kah yang undi itu akan berjalan dan memberi penerangan kepada orang ramai yang berhak mengundi dan juga chara manakah pendaftaran nama2 mereka akan dapat di-masok-kan ka-dalam Daftar Pengundi.

Berbagai2 perkara lagi akan di-jalankan , saperti masa dan tempat membuang undi, kelayakan2 yang di-kehendaki bagi sa-orang Kerani Jabatan Undian, banyak gaji-nya, dan saterus-nya chara2 undi Pilehan Raya itu di-jalankan. Lebeh2 lagi Daftar2 Nama Pengun-di2 akan di-adakan supaya tiap2 pengundi di-beri hak-nya; dan juga nasehat2 yang berfa'edah yang akan di-peroleh dari luar negeri mengenai berbagai2 perkara yang bersangkutan dengan rancha-ngan mengadakan Undi Sulit yang di-sebutkan di-atas.

RANCHANGAN SO'AL JAWAB ANJORKAN RADIO BRUNEI

Ruangan "So'al Jawab" yang di-anjorkan oleh Radio Brunei telah berlangsung pada pagi Jum'at, 25 hbl. October bertempat di-Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei.

Ranchangan tersebut di-adakan dalam Bahasa Melayu di-bawah kelola'an Inche' Mustafa bin Haji Tahir, dan di-bantu oleh Inche' Zainal Arsad dan Inche' Ismail.

Para peserta dalam pera-duan tersebut kebanyakan-nya dari golongan penuntut2 dan beberapa orang guru Sekolah Melayu.

Pemenang2 dalam peraduan ter-sebut, sa-orang murid perampuan SOAS College telah mendapat hadiah PUTING SUSU dan sadikit wang, dan sa-orang penuntut lelaki SOAS Col-lege juga mendapat hadiah ANAK2 PATONG dan sadikit wang.

Ranchangan dalam Bahasa Melayu yang telah di-rakamkan itu akan di-siarkan di-Radio Brunei pada malam 4 Nov., jam 7.30, manakala yang dalam Bahasa Inggeris pada ma-lam 3 Nov., jam 9.00.